

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN
AZIZAH BINTI WAN
ISMAIL
(PERMATANG PAUH)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah anggota tentera yang terlibat dalam operasi *Ops North Thunder* di Arab Saudi dan jumlah kos yang dibelanjakan Kerajaan dalam operasi ini.

JAWAPAN:

Sejumlah 11 orang pegawai, 65 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) dan 2 orang pegawai pemerhati Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah terlibat di dalam latihan ketenteraan berkenaan. Semua aspek logistik dan kos perbelanjaan untuk latihan ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Arab Saudi kecuali bagi 2 orang pegawai pemerhati ATM ditanggung oleh Kerajaan Malaysia berjumlah RM 25,659.